

Sejarah Politik Mamluk (648-922H/1250-1517M): Suatu Pengamatan Berdasarkan Sumber Primer dan Sekunder

Abstract

This article aims to analyze some issues that are less known to the public i.e. the origin and emergence of the Mamluks in Egypt and the incorrect application of terminologies of ‘Mamluk Bahri’ and ‘Mamluk Burji’ as used today. It also discusses the political history of the Mamluks from its establishment in 648H/1250M until its fall in 922H/1517M based on the primary and secondary sources. The main focus is given to the political abilities of some Mamluk sultans to sustain their powers. The article finds that the emergence of the Mamluk has started since the ‘Abbasid period. Nevertheless, their existence and their roles began to receive serious attention in the last days of Ayyubid period especially once they succeeded in establishing the Mamluk kingdom. Two of the dominant origins in the Mamluk sultanate were ‘Turkish’ and ‘Jarkash (Circassian).’ Based on these two ethnics, the terminologies of the ‘Turkish Mamluk’ and ‘Circassian Mamluk’ should be applied as used by the Mamluk historians in their writings. In the Mamluk sultanate, the empowerment strategy of any of the sultan was a ‘must’ because of the power struggling among the groups in the Mamluks to usurp the throne. The sultan also needed to strengthen the economic and social stability in order to continue his rule. This included overcoming the challenges and threats from outside enemies. From a large number of the Mamluk sultans, only a few succeeded in their reigns.

Keywords: *political history, Mamluk, primer and secondary sources*

Abstrak

Artikel ini bertujuan menganalisis beberapa isu yang kurang diketahui umum iaitu asal usul dan kemunculan golongan Mamluk di Mesir serta ketidaktepatan penggunaan terminologi ‘Mamluk Bahri’ dan ‘Mamluk Burji’ yang digunakan pada hari ini. Selain itu, artikel ini juga menumpukan perbincangannya kepada sejarah politik Mamluk yang bermula dari penubuhannya pada 648H/1250M sehingga kejatuhannya pada 922H/1517M berdasarkan sumber-sumber primer dan sekunder. Fokus utama diberikan kepada keupayaan politik beberapa orang sultan Mamluk untuk mengekalkan kekuasaan mereka. Hasil penulisan mendapati bahawa sejarah kemunculan golongan Mamluk telah pun bermula sejak zaman kerajaan ‘Abbasiyyah lagi. Walau bagaimanapun, kewujudan serta peranan mereka hanya mula mendapat perhatian serius pada akhir zaman Ayyubiyyah apabila mereka berjaya menubuhkan kerajaan Mamluk. Dua bangsa yang dominan dalam kesultanan Mamluk di Mesir ialah Turki dan Jarkash. Berasaskan kedua-dua bangsa inilah sepatutnya digunakan terminologi ‘Mamluk Turki’ dan ‘Mamluk Jarkashi’ sebagaimana yang telah digunakan oleh semua sejarawan Mamluk dalam penulisan mereka. Dalam kesultanan Mamluk, pengukuhan strategi bagi mana-mana sultan adalah sesuatu yang ‘perlu’ memandangkan perebutan kuasa yang seringkali berlaku di kalangan kumpulan-kumpulan dalam golongan Mamluk untuk merampas takhta. Sultan juga perlu mengukuhkan sektor perekonomian negara dan mengekalkan kestabilan sosial rakyat untuk meneruskan kelangsungan pemerintahannya. Ini termasuklah mendepani cabaran

dan ancaman daripada musuh luar. Daripada sejumlah besar para sultan Mamluk, hanya sebilangan orang sultan sahaja yang telah mencapai kegemilangan dalam pemerintahan mereka.

Kata kunci: sejarah politik, Mamluk, sumber primer dan sekunder